

MODUL
PBD
AKHIR TAHUN

TAHUN 1

BAHASA MELAYU



NAMA : _____

KELAS : _____

TARIKH : _____

GURU : _____

Mendengar dan bertutur

Berikan respons terhadap soalan guru

Bil	Soalan	Respons (diisi guru)
1	Kenapakah kita perlu hadir awal ke sekolah?	
2	Bolehkah kamu hadir ke sekolah setiap hari?	
3	Bagaimanakah tindakan kamu jika kawan kamu mengajak kamu untuk tidak hadir ke sekolah?	

Membaca

(Murid membaca dan guru menanda perkataan yang betul dibaca murid)

Selepas makan malam, Indira bertanya kepada ayahnya. "Ayah, bagaimanakah caranya menjimatkan tenaga elektrik di rumah?"

Ayah berfikir sebentar, kemudian berkata, "Oh, ada banyak cara Indira! Kita hendaklah menutup suis lampu apabila hari sudah cerah. Selain itu, tutup juga suis lampu dan kipas apabila meninggalkan rumah."

"Ya, ayah. Guru selalu berpesan begitu. Amalan ini dapat menyelamatkan bumi kita," terang Indira.

"Pandai, anak ibu," kata ibu sambil memeluk Indira.

MENULIS

Ini rumah Ali. Di rumah Ali ada sangkar burung. Sangkar burung di rumahnya besar. Sangkar burung Ali terletak di belakang rumah. Sangkar burungnya sentiasa bersih.

Ayah Ali membersihkan kolam pada waktu petang. Sangkar perlu dibersihkan agar tidak berbau busuk. Ali membela 10 ekor burung merpati. Burung itu cantik dan berwarna-warni. Ali rajin memberi burung makan.


1. Apakah yang ada di rumah Ali?

2. Di manakah sangkar burung Indira?

3. Bilakah ayah Ali membersihkan sangkar burung?

4. Berapa ekorkah burung yang dibela oleh Ali?

Tuliskan aktiviti anda di sekolah dalam seminggu



Tatabahasa

Tulis ayat berdasarkan perkataan diberikan

Kata majmuk

1. Rumah banglo

2. Rumah pangsa

3. Gelanggang badminton

4. Biru cerah

Kata ganda

1. Rama-rama

2. Pokok-pokok

3. Haiwan-haiwan

4. Timun-timun

Kata hubung

1. atau

2. dan

3. tetapi
